

Headline **AAN iktiraf ahli akademia**  
Date **06. Sep 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Circulation **238082**  
Readership **833287**

Language **MALAY**  
Page No **16a**  
Article Size **1069 cm2**  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue



PERDANA Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama penerima Anugerah Akademik Negara 2007, pada majlis penyampaiannya, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya baru-baru ini.

# AAN iktiraf ahli akademia

**A**nugerah Akademik Negara (AAN) merupakan suatu pengiktirafan kerajaan kepada para akademia yang diharapkan mampu menjadi 'leaders who inspire'.

Sandaran yang tinggi ke atas para akademia itu adalah hasil keyakinan bahawa suatu hari nanti hasil kecemerlangan mereka mampu membawa transformasi kepada pembangunan negara.

Jika pada AAN 2006 hanya tiga penerima diperkenalkan iaitu Anugerah Tokoh Akademik Negara dan dua orang penerima dari kategori Anugerah Pengajaran tetapi atas keyakinan kerajaan terhadap kumpulan ini, AAN 2007 menyaksikan lima penerima anugerah.

Mereka ialah Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menerima Anugerah Tokoh Akademik Negara 2007, Anugerah Makalah Jurnal diberi kepada Profesor Dr. Onn Hashim dari Universiti Malaya (UM) melalui penerbitan bertajuk *Expression of high-abundance proteins in sera of patients with endometrial and cervical cancers: Analysis using 2-DE with silver staining and latin detection methods*.

Anugerah Penerbitan Buku diberi kepada Prof. Madya Dr. Nordin Hussin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui buku bertajuk *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang 1780-1830*.

Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk diberi kepada Prof. Madya Dr. Syed Omar Syed Rastan (UPM) melalui produk ZAPPA dan Anugerah Seni dan Kreativiti diberi kepada Prof. Madya Zulkifli Yusoff dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kesemua anugerah tersebut telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat

Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Dalam pada itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam ucapannya berkata, aset yang paling berharga bagi mana-mana institusi adalah kakitangannya dalam konteks institusi pengajian tinggi, kakitangannya ialah ahli akademik.

"Mereka bukan sahaja menjadi tonggak yang memacu kecemerlangan sesebuah universiti tetapi lebih daripada itu mereka sebenarnya merupakan aset intelektual negara yang tidak ternilai pentingnya dan tiada tolok bandingnya," ujar beliau.

Ini kerana, tugas para akademia tidak hanya tertumpu kepada melahirkan modal insan yang dapat memimpin dan menggerakkan negara pada masa hadapan tetapi peranan mereka sebagai penyelidik dan pengkaji juga dapat menentukan masa depan kemajuan sesebuah negara khususnya dalam melahirkan penemuan-penemuan baru, inovasi, reka-cipta dan hasil penyelidikan yang dapat dimajui dan dikomersialkan.

"Seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPITN), para ahli akademi merupakan darah dan nadi institusi pengajian tinggi kita yang mana kita meletakkan harapan yang tinggi untuk melorakkan kecemerlangan ilmu dan melebarkan ilmu kepada mahasiswa kita," katanya.

Mereka adalah acuan yang akan membentuk modal insan negara ini pada masa hadapan.

Maka atas sebab itulah pada hari ini Kementerian Pengajian Tinggi memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada para akademia kita menerusi AAN.

Anugerah ini adalah suatu pengiktirafan kepada mereka yang telah memberi inspirasi bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga rakan setugas, kepada univer-

siti dan juga kepada negara.

AAN 2007 mengandungi beberapa kategori yang merupakan aspek-aspek yang perlu diberi tumpuan oleh ahli-ahli akademik kita iaitu Anugerah Pengajaran, Anugerah Seni dan Kreativiti, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Penerbitan Makalah dan Anugerah Tokoh Akademik Negara.

"Sekiranya kita mahu melihat institusi pengajian tinggi kita melahirkan modal insan dengan mentaliti kelas pertama, kita juga sudah pastinya memerlukan ahli akademik yang juga bertaraf kelas pertama dalam bidang mereka sendiri," jelas beliau.

Ini tidak hanya bermaksud dalam konteks kelayakan ilmiah, kerana seorang pensyarah dengan kelayakan akademik yang cemerlang tetapi menjauhi para pelajar, tidak gemar kepada penyelidikan dan mengeneipkan penghasilan kertas ilmiah dan melihat profesion mengajar hanya sebagai satu kerjaya untuk makan gaji, sebenarnya tidak memberi nilai kepada kita.

Sebaliknya kata beliau, negara memerlukan para akademia yang bukan sahaja berbakat dan bersemangat tetapi juga menunjukkan kesungguhan dan kecintaannya terhadap kecemerlangan mengajar dan kecemerlangan penyelidikan.

"Seperti yang kita sedia maklum PSPITN merupakan satu usaha besar mentransformasikan pengajian tinggi negara ke tahap kecemerlangan," katanya. Salah satu daripada lima Tonggak Institusi yang terkandung dalam pelan strategik tersebut adalah soal akademia.

Tiga keutamaan yang sedang dikenalpasti oleh kementerian untuk membina budaya kecemerlangan di kalangan akademia adalah:

i. Memperkasakan profesion akademia: yang mana secara prinsipnya kerajaan telah bersetuju supaya IPTA melan-

tik calon-calon yang mempunyai kelayakan Ph.D sebagai pensyarah terus ke grad 51 walaupun mengikut Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti sepatutnya dilantik ke grad 45.

Ini kerana calon-calon yang mempunyai Ph.D adalah dianggap mempunyai kecemerlangan yang tinggi mutunya yang dapat meningkatkan dan memperkasakan kualiti pengajaran dan pembelajaran di IPTA.

Di samping itu bagi menarik calon-calon dari industri yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu juga boleh dilantik terus ke grad 51 untuk berkhidmat sebagai pensyarah supaya dapat sama-sama membantu meningkatkan kecemerlangan di IPTA selaras dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi negara pada tahun 2020.

Semua IPTA wajar memastikan perkara ini dilaksanakan supaya matlamat PSPITN untuk memperkasakan IPTA dapat direalisasikan seperti yang diharapkan melalui pengambilan tenaga akademik yang berkualiti, berpengetahuan dan berpengalaman luas.

ii. Menyediakan peluang-peluang latihan serta pembangunan profesion melalui perubahan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

iii. Menghargai pencapaian akademia melalui pengiktirafan dan anugerah seperti AAN.

Malah menurut beliau, ahli-ahli akademia negara sebenarnya telahpun menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Antaranya ialah *ISESCO Literacy Prize* oleh *Islamic Educational Scientific and Cultural Organization*, *Carlos J. Finlay prize for Microbiology* dan *Young Scientist Award* oleh UNESCO.

Headline **AAN iktiraf ahli akademik**  
Date **06. Sep 2008**  
Media Title **Utusan Malaysia**

## AAN iktiraf ahli akademik

Turut tersenarai ialah *King Faisal Award* dan *Prince Sultan bin Abdul Aziz International Prize for Water* oleh Kerajaan Arab Saudi, (*Khwarizmi International Award*) dari Kerajaan Iran, (*Doctoral Fellow*) Ph.D dari Institute Asia, Tokyo, (*World Intellectual Property*

*Organization (WIPO) Awards*) dan pelbagai anugerah di *World Exhibition of Innovation, New Technology and Research* (Belgium).

Kejayaan-kejayaan ini menunjukkan bahawa ahli akademik negara mempunyai kredibiliti dan diberi

pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang boleh kita banggakan.

Mohamed Khaled berharap sebagai golongan akademik yang memahami dan mendukung matlamat mencapai kecemerlangan, mereka semua memainkan peranan menyokong

usaha-usaha untuk menjayakan PSPTN.

"Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kerana semenjak dilancarkan pelan tersebut banyak kemajuan telah dicapai," katanya.